

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Shahrin Bin Sahib**

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

---

## **PERASMIAN KARNIVAL FTMK 2017**

**26 April 2017 (Rabu), 10.00 pagi,**

**Pentas Utama Karnival FTMK**

Terima kasih kepada Pengacara Majlis,

*Bismillahirrahmanirrahim*

**YBhg. Tuan Hj. Mohd Rashid bin Mohd Sidek**

Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Melaka

Mewakil Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Dasar  
dan Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pendidikan  
Malaysia

**YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**YBhg. Prof Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**YBhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Penolong-Penolong Naib Canselor**

**YBhg. Dr. Mohd Rashid bin Buyong**

Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Jabatan Kemahiran,  
Kementerian Sumber Manusia

**YBhg. Prof. Dr. Burairah Bin Hussin**

Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
(FTMK)

**Y.Brs. Saudara Mohamad Amin bin Mustapa**

Pengarah Program Karnival FTMK 2017

Pegawai-pegawai kanan universiti, Jawatankuasa Pelaksana Karnival FTMK 2017 seterusnya hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam 1UTeM

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa II, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang indah ini sempena **Majlis Perasmian Karnival FTMK 2017**.
2. Pertamanya, saya mewakili seluruh warga universiti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengalukan kehadiran **Yang Berbahagia Tuan Hj. Mohd Rashid bin Mohd Sidek Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Melaka** kerana sudi meluangkan masa bagi menyempurnakan majlis perasmian Karnival FTMK anjuran Persatuan Pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi tahun 2017

**Camar pulang dikala petang,  
Hari indah disinari mentari,  
Terima kasih kesudian datang,  
Majlis meriah bertambah seri**

3. Sebagai makluman hadirin dan hadirat sekalian, Karnival FTMK merupakan acara tahunan yang bukan sahaja diadakan di fakulti ini malah turut dianjurkan di semua fakulti dengan konsep dan pengisian yang berbeza. Menariknya, penganjuran karnival seperti ini diuruskan sepenuhnya oleh mahasiswa dan mahasiswi di fakulti berkenaan, bermula dari aktiviti promosi, pengisian program, pencarian penaja seterusnya pelaksanaan majlis dengan bimbingan daripada para pensyarah fakulti yang

terlibat.

4. Melalui pendedahan sebegini, mahasiswa dan mahasiswi tidak hanya tertumpu pada bidang akademik semata-mata namun berpeluang mempelajari sesuatu yang berharga iaitu bidang pengurusan program secara praktikal selain menyerlahkan bakat serta kebolehan mereka menguruskan pelbagai aktiviti yang berkaitan kehidupan mereka di kampus.
5. Saya memetik ucapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, dalam perutusannya yang menyatakan bahawa salah satu agenda dalam ‘Redesigning Higher Education’ ialah dengan menghasilkan graduan yang holistik, berciri

keusahawanan dan seimbang dalam segenap aspek keperluan.

6. Pengalaman yang mahasiswa dan mahasiswi perolehi ini dilihat mampu membentuk sikap, watak serta kualiti kepimpinan mereka sehingga mereka memasuki ke alam pekerjaan nanti. Bagi pihak Universiti, program seperti ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan sesuatu yang perlu diraikan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. Konsep kesepunyaan dan keserakanan atau *commonalities and collegiality* dan Saudara SeUTE<sub>M</sub> merupakan satu pendekatan terbaik yang amat sesuai untuk diterapkan di dalam diri setiap warga UTE<sub>M</sub>. Ia juga merupakan fokus utama pihak Kementerian dalam mencapai kecemerlangan dan kegemilangan institusi menerusi prinsip saling menghormati, kerjasama dan menolak cara kerja secara *silo*.
8. Alhamdulillah, saya amat berbangga apabila dimaklumkan bahawa penyertaan mahasiswa dan mahasiswi dari fakulti lain juga turut bersama-sama berganding bahu terlibat

secara langsung maupun tidak langsung bagi menjayakan aktiviti berskala besar di fakulti ini.

9. Ianya nyata selaras dengan misi dan visi UTeM untuk melahirkan graduan yang mempunyai nilai diri yang lengkap, tidak hanya mampu melaksanakan tugas yang diberikan tetapi mampu mencipta keharmonian terhadap persekitarannya.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. Program seumpama ini pastinya menjanjikan pelbagai pengisian aktiviti yang menarik. Bersempena dengan Karnival FTMK 2017 ini, Pertandingan Open IT peringkat kebangsaan yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan

Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia turut diadakan. Ianya bertujuan untuk mencari bakat-bakat kemahiran bagi pertandingan Asean Skill 2018 dan World Skill Competition 2019.

8. Selain daripada itu, Hari Kerjaya FTMK juga turut dianjurkan selain daripada Malam Citra Warna, Malam Memorabilia, Health Pit Stop, Choral Sepaking Sepp It Right, Sembang Santai dan pelbagai lagi.
9. Kepada semua yang hadir, khususnya mahasiswa dan mahasiswi UTeM, gunakanlah peluang ini dengan sebaik-baiknya untuk meningkatkan lagi potensi dan kualiti diri menerusi penyertaan dalam aktiviti-aktiviti bermanfaat

yang dianjurkan. Ia pastinya akan memberi nilai tambah kepada diri saudara dan saudari bagi menghadapi cabaran mendatang yang semakin kompleks.

10. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung tahniah kepada barisan jawatankuasa Sekretariat Karnival FTMK 2017 yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran penganjuran Karnival FTMK pada kali ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda amatlah dihargai.
11. Saya percaya hanya dengan kerja keras dan iltizam yang sentiasa membara dalam jiwa dan sanubari setiap warga UTeM, memungkinkan program seumpama ini dapat

direalisasikan dengan jayanya.

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wbt.

Terima kasih.